



11 JUL, 2024

Perlombongan bitcoin: Negara rugi RM3.4 bilion

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Perlombongan bitcoin: Negara rugi RM3.4 bilion

KUALA LUMPUR - Negara kerugian sebanyak RM3.4 bilion bagi tempoh 2018 hingga tahun lepas akibat kegiatan mencuri bekalan tenaga elektrik menerusi perlombongan bitcoin.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, kegiatan berkenaan yang dilihat semakin berleluasa bukan sahaja merugikan Tenaga Nasional Berhad (TNB) malah rakyat dan negara keseluruhannya.

"Kegiatan mencuri elektrik oleh pihak yang melombong mata wang kripto ini berlaku kerana memikirkan kegiatan ini tidak dapat dikesan kerana ketiadaan meter di premis mereka, bagaimanapun syarikat pembekal tenaga mempunyai pelbagai kaedah untuk mengesan penggunaan tenaga luar biasa di sesuatu kawasan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis pelupusan barangan rampasan berkaitan kecurian elektrik dan kelengkapan

elektrik tanpa sijil keselamatan Suruhanjaya Tenaga (ST) di Balakong dekat sini pada Rabu yang dirampas dalam operasi bitcoin.

Akmal Nasrullah berkata, usaha membanteras kecurian tenaga elektrik turut menjadi keutamaan kementerian selain meningkatkan pengeluaran tenaga hijau dan tenaga boleh diperbaharui.

Mengulas mengenai majlis berkenaan beliau berkata, pelupusan berkenaan melibatkan sebanyak 2,022 barangan rampasan bernilai RM2.2 juta.

Beliau berkata, ia melibatkan mesin melombong bitcoin yang dirampas dalam operasi pada Oktober 2022, barangan elektrik yang tidak mempunyai sijil keselamatan ST dan barangan lain yang terlibat dalam kes kemalangan elektrik.

"Barangan ini telah mendapat arahan untuk dilupuskan daripada Timbalan Pendakwa Raya selepas selesai melalui proses mahkamah dan kompaun," katanya. - *Bernama*



Akmal Nasrullah (tiga dari kiri) melihat komponen barang rampasan yang dilupuskan dianggarkan bernilai lebih RM2 juta ketika Majlis Pelupusan Barang Rampasan Suruhanjaya Tenaga (ST) di Taman Industri Selesa Jaya, Balakong pada Rabu.